

16/08/1999

10,000 banjiri Ekspo Cintai Malaysia '99

KUALA LUMPUR, Ahad - Ekspo perdagangan terbesar di negara ini, Ekspo Cintai Malaysia '99 di Pusat Pameran Mines di Sungai Besi di sini, dilawati hampir 100,000 orang, hari ini.

Tinjauan Berita Harian mendapati kebanyakan mereka mengambil kesempatan cuti hujung minggu untuk membawa keluarga melawat pelbagai barangan yang dipamerkan di ekspo itu.

Kesesakan lalu lintas di sekitar pusat pameran itu bagaimanapun, berjaya dikawal dengan bantuan polis trafik.

Ekspo 10 hari yang akan berakhir 22 Ogos ini, dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor, disertai 355 syarikat tempatan.

Ekspo yang disertai wakil negara asing itu juga memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barangan buatan Malaysia pada harga menarik dan berpatutan.

Pameran itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Seorang guru, Mohd Kamal Idris, 35, berkata dengan membawa keluarga melawat ekspo itu, mereka bukan saja dapat bersama melakukan sesuatu kegiatan bersama di hujung minggu, juga dapat menambah pengetahuan mengenai barangan yang dihasilkan dalam negara sendiri.

"Saya berpendapat barangan buatan Malaysia yang dipamerkan di sini adalah setanding dengan barangan yang diimport, tambahan pula harganya murah," katanya yang turut membeli peralatan elektrik di ekspo itu.

Seorang kerani sebuah syarikat kewangan, Ng Bee Hui, 26, berkata pameran kali ini sungguh menarik dengan pelbagai jenis barangan dipamerkan.

Menurutnya, ekspo itu menunjukkan pelbagai jenis barangan dengan kualiti yang baik hasil penyelidikan yang dilakukan oleh rakyat tempatan.

"Kita perlu berbangga kerana pengeluar barangan tempatan juga mampu menghasilkan barangan bermutu dengan harga lebih murah," katanya.

Selain pameran, orang ramai yang membuat belian melebihi RM100 di ekspo itu juga diberi peluang membuat tekaan nilai harga paling hampir ke atas hamper yang akan dicatatkan dalam The Malaysia Book of Record.

Hamper itu akan dicatatkan sebagai hamper termahal di Malaysia.

(END)